

09 OCT 1996

Umno-Shariff

SHARIFF TETAP HADIRI PERHIMPUNAN WALAUPUN TERSINGKIR DARI PERTANDINGAN

PULAU PINANG, 9 Okt (Bernama) -- Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar akan tetap menghadiri perhimpunan agung UMNO walaupun namanya digugurkan daripada pertandingan merebut kerusi Majlis Tertinggi (MT) parti.

Katanya beliau akan tetap menghadiri perhimpunan itu kerana kelayakannya sebagai perwakilan tidak hilang dan beliau cuma dilarang daripada bertanding.

Ketika dihubungi Bernama di Kuala Lumpur, Mohd Shariff berkata beliau telah mengemukakan rayuan kepada presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dan menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk menentukan nasibnya berhubung keputusan Jawatankuasa Khas UMNO menggugurkan kelayakannya bertanding.

Mohd Shariff, yang juga Ketua UMNO Bahagian Tasek Gelugor dan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Permatang Berangan, berkata beliau menerima surat daripada jawatankuasa khas UMNO semalam mengenai penggugurannya dan surat itu tidak menyatakan secara khusus kesalahan yang dilakukannya.

"Surat itu hanya menyebut secara umum bahawa saya telah melanggar peraturan dan tidak dibenarkan bertanding," katanya.

Mohd Shariff adalah antara enam calon MT yang digugurkan kelayakan bertanding selepas Jawatankuasa Khas dalam mesyuarat Isnin lalu mendapati mereka melanggar tataetika kempen, salah laku dan politik wang.

Ketika diminta komennya tentang keputusan Jawatankuasa Khas itu, beliau berkata: "Semua orang tahu tentang saya. Saya tidak terlibat dalam politik wang atau kegiatan lain, jadi terpulanglah kepada keadaan menentukannya."

-- BERNAMA

ZU AKD